

Berdoa tembus di tengah-tengah kegelapan

Pandangan mata tampaknya gelap... dan mungkin kita tawar hati untuk terus berdoa dan berjaga. Namun, kita mungkin lupa bahawa kegelapan adalah sebahagian daripada ciptaan dan dicipta oleh Allah untuk tujuan-Nya yang tersendiri. Allah, iaitu cahaya, berada dalam kegelapan yang pekat semasa Musa mendekati-Nya (Kel. 20:21). Di dalam kegelapan, Allah itu nyata. (1 Raja 8:12-13, 9:1-9).

Kegelapan itu bukan kelam sebab Allah melihat malam itu secerah siang. Gelap dan cahaya adalah sama bagi-Nya. (Maz 139:12). Dia mampu melihat melalui kegelapan yang pekat dan tidak pernah dibutai oleh kegelapan dunia.

Berdoa untuk kita sendiri

1. Berdoa untuk kerendahan hati supaya kita memahami hakikat bahawa kita yang mempunyai mata fizikal itu tidak ada kelebihan berbanding dengan orang buta ketika kita melihat Allah. Kita mungkin tidak dapat melihat apa yang Allah lihat.
2. Berdoa supaya jiwa kita akan terus diterangi oleh rahmat-Nya, tetap berfokus untuk mendengar Tuhan, dan terus berjaga-jaga di dalam pelayanan “Berkawal Sambil Berdoa Untuk Negara”.

Berdoa untuk Gereja-Nya

1. Berdoa untuk Gereja di Malaysia, khususnya GMM kita, mempunyai kesedaran yang tinggi tentang keunggulan Allah yang ilahi dan tidak dimengerti. Ini akan membantu kita untuk bertumbuh menjadi Gereja yang takut akan Allah dengan kerendahan dan kesucian.
2. Berdoa agar GMM akan terus berkenan di hati Tuhan, tetap berfokus dalam pemuridan, supaya semua umat-Nya yang bergelar Methodist akan melibatkan diri secara aktif dalam pelayanan kesalehan, kebajikan, penginjilan dan keadilan sosial untuk masyarakat dan Negara.

Berdoa untuk Tanah Air kita

1. Berdoa agar Tuhan akan terus menyinari tanah air kita walaupun di dalam kegelapan, biar kegelapan tersebut menjadi kilauan untuk kita melihat hati dan tangan Tuhan.
2. Berdoa untuk para pemerintah, Kabinet, semua ahli parlimen, dan kakitangan awam agar mereka menggunakan kuasa kedudukan mereka untuk meningkatkan keadilan, keamanan dan kestabilan di tanah ini. Berdoa khusus untuk umat Kristian yang menjadi Ahli Parlimen, pemimpin dan yang mempunyai kedudukan berpengaruh, supaya mereka ada kebijaksanaan dan keberanian untuk mempertahankan integriti. Berdoa supaya mereka akan mendapat rahmat dalam menegakkan keadilan dan bertindak untuk kebaikan sejagat.